



Oleh SALLEH BUANG

MINGGU lalu lapan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Agama (SMA) Dato' Klana Petra Maamor, Ampangan, Negeri Sembilan, diheret ke Mahkamah Majistret Seremban untuk menghadapi tuduhan bersama membunuh seorang pelajar tingkatan empat di sekolah yang sama.

Mangsa, Muhammad Farid Ibrahim (16 tahun), meninggal dunia Ahad lalu (28 Mac 2004) kerana mengalami kecederaan parah di kepala dan perut setelah dipercayai dipukul oleh tertuduh di asrama sekolah tersebut. Pemeriksaan yang dijalankan oleh Hospital Seremban mendapati kematian mangsa berpunca daripada hentakan kuat atau serangan pada bahagian kepala, badan dan perut yang mengakibatkan pendarahan teruk.

Semua lapan tertuduh, berusia 17 tahun, dituduh bersama-sama membunuh Muhammad Farid antara pukul 10.30 pagi hingga 4.15 petang di Dorm Osman, Tingkat Dua Asrama Putra, SMA Dato' Klana Maamor pada 28 Mac lalu. Dua tertuduh berasal dari Seremban, dua dari Nilai, dua dari Cheras, Kuala Lumpur, dan dua lagi masing-masing seorang dari Pantai Dalam, Kuala Lumpur dan Puchong, Selangor.


Sementara itu, 6 pelajar lain sekolah yang sama (yang turut ditahan reman bersama 8 tertuduh sejak siasatan dijalankan) telah dibebaskan oleh pihak polis kerana tiada bukti menunjukkan mereka terbabit dalam kes berkenaan.

Prosiding jenayah berlangsung di hadapan Majistret Suhaila Harun, dengan pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Roslan Ibrahim, dibantu Suhaimi Ibrahim. Tiga tertuduh diwakili peguam S. Anand, dua oleh Raja Bardul Hisham Raja Ali, dua lagi oleh Ramzani Idris, manakala tertuduh kelapan tidak diwakili peguam. Pertuduhan ke atas tertuduh dibuat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 149.

Dalam keadaan biasa, sekiranya tertuduh itu seorang dewasa, sabitan di bawah Seksyen 302 bermakna dia boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati. Walau bagaimanapun, apabila tertuduh adalah masih di bawah umur 18 tahun, kedudukannya adalah tertakluk

Tanda Tanya Di Sebalik Kematian Muhammad Farid

Kenapa selepas lima jam kejadian itu berlaku, mangsa masih tidak dibawa ke hospital



Lapan pelajar tingkatan lima SMA Dato' Klana Petra Maamor, dibawa ke mahkamah atas tuduhan membunuh Muhammad Farid (Gambar kecil).

di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Di bawah Seksyen 97(1) akta itu, hukuman mati tidak boleh dikenakan ke atas kanak-kanak sekalipun telah sabit kesalahannya. Sebagai gantian kepada hukuman mati, Seksyen 97(2) menyata-

kan tertuduh yang disabitkan itu boleh ditahan dalam penjara selama mana diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong sekiranya kesalahan itu dilakukan dalam Wilayah Persekutuan, atau oleh sultan atau Yang Dipertua Negeri jika kesalahan



Sekolah agama juga tidak terkecuali daripada masalah disiplin dan pergaduhan di kalangan pelajar.

itu dilakukan dalam wilayah negeri berkenaan.

Disebabkan kesemua tertuduh masih lagi juvana, prosiding mahkamah pada hari itu dijalankan secara tertutup. Orang awam tidak dibenarkan hadir, kecuali ibu bapa dan penjaga tertuduh. Kita difahamkan bahawa tidak ada pengakuan dibuat pada hari itu. Majistret Suhaila telah menetapkan kes itu disebut semula pada 16 April depan, sementara menunggu laporan perubatan.

Mengikut laporan media massa tempatan, kesemua tertuduh dibawa dengan tangan bergari ke mahkamah pada kira-kira pukul 10.15 pagi dengan van polis. Orang ramai tidak berpeluang melihat wajah mereka kerana mereka telah bertindak menutup muka dengan baju mereka ketika dibawa masuk ke Mahkamah Majistret.

Mereka dilaporkan menangis apabila berpandang ibu bapa dan penjaga masing-masing, yang sudah berada di pekarangan mahkamah itu sejak awal lagi (ada yang seawal pukul 7.00 pagi). Setelah selesai urusan pembacaan pertuduhan, mereka dibawa semula ke lokap untuk ditahan reman sementara menunggu hari bicara.

Mengikut Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisiner I, Datuk A. Majid Othman, pihak polis (sehingga hujung minggu lalu) belum lagi dapat menentukan secara muktamad bentuk kekerasan yang dilakukan terhadap mangsa kerana siasatan masih dijalankan. Apa yang pasti setakat itu ialah bahawa mangsa meninggal dunia di Hospital Seremban sebelum sempat diberi rawatan oleh doktor.

Beliau juga mengesahkan bahawa pihak pentadbiran sekolah membuat

laporan polis hanya setelah Farid meninggal dunia. Hasil bedah siasat yang dijalankan oleh pihak hospital, polis dimaklumkan ada unsur jenayah.

Mengikut Datuk Majid lagi, kejadian bukan berlaku ketika program orientasi pelajar, sebaliknya akibat perselisihan faham pelajar yang merebak kepada pergaduhan. Beliau menolak dakwaan bahawa kejadian ini berlaku berikutan kegiatan samseng di sekolah.

Beliau berpendapat bahawa kejadian itu merupakan satu kes terencil, yang kali pertama dilaporkan di sekolah berkenaan. Buat masa ini, pihak polis masih lagi menjalankan siasatan untuk memastikan motif kejadian.

Siasatan polis menunjukkan bahawa bilangan pelajar di sekolah itu adalah kira-kira 400 orang, di mana 60 daripada mereka (termasuk mangsa) tinggal di asrama.

Dalam reaksinya kepada insiden berkenaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS), selaku pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi semua sekolah agama di negeri itu, menafikan wujudnya budaya samseng di sekolah agama tersebut yang menyebabkan kematian mangsa pada minggu lalu.

Pengarahnya, Datuk Ahmad Maher Abd. Manan, dipetik sebagai berkata bahawa kegiatan samseng tidak pernah wujud di sekolah itu, dan walaupun ada masalah disiplin di kalangan pelajar, ia sekadar membabitkan kegiatan merokok.

Beliau merasa terkejut dengan kejadian minggu lalu itu kerana selama ini "Keadaan sekolah dan pelajar sentiasa baik." Adalah mustahil bagi sekolah itu "gagal mengawal disiplin pelajar," katanya lagi.

Pendapat peribadi Majid dan Ahmad Maher ini nampaknya tidak selari dan

bercanggah dengan satu laporan lain yang mengatakan Muhammad Farid sering dibuli pelajar senior sejak dia memasuki sekolah itu kira-kira sebulan yang lalu.

Percanggahan begini, jika tidak diputuskan dan diselesaikan awal, akan terus membuat orang awam tertanya-tanya, bingung memikirkan versi mana yang mereka wajar percayai dan versi mana yang wajar ditolak. Andainya peristiwa yang berlaku di asrama itu hanyalah satu pergaduhan biasa, kenapakah jika ia berlaku pada pukul 12.00 tengah hari, ia terus disembunyikan dan mangsa (yang sudah hampir maut) hanya dihantar ke hospital pada pukul 4.00 petang?

Lazimnya, bila pergaduhan meletus di kalangan pelajar (bukan aktiviti buli atau gengsterisme), pihak-pihak yang terlibat akan segera melaporkan perkara itu kepada pihak yang berwajib, supaya tindakan disiplin tidak diambil terhadap mereka yang tidak bersalah.

Selain itu, orang awam boleh membuat perhitungan sendiri apakah masuk akal atau munasabah bagi suatu 'pergaduhan' itu berlaku antara 8 hingga 14 orang pada satu pihak, manakala pihak lain hanya seorang sahaja? Dalam situasi begitu, tidakkah inferensi yang *logical* membuat kita mengatakan ia bukan suatu pergaduhan, bahkan satu kes buli dan gengsterisme oleh satu kumpulan besar terhadap mangsa tunggal?

Hasil bedah siasat yang dijalankan oleh Hospital Seremban juga menimbulkan keraguan di minda orang awam apakah ia akibat suatu pergaduhan biasa. Mengikut laporan hospital itu, Farid dikatakan mengalami pendarahan otak, sementara ususnya pecah dan lebam hati disebabkan dipukul dengan objek keras. Tidakkah fakta perubatan ini menimbulkan inferensi bahawa mangsa dipukul (dikeroyok) beramai-ramai oleh penyerangnya?

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Hassan, khabarnya amat kecewa dengan sikap pentadbiran sekolah agama itu yang gagal bertindak bagi menangani kejadian membuli pelajar di sekolah berkenaan.

"Kita kecewa mengenai kekurangan, kebocoran pengawasan. Kelemahan macam pelajar mengadu dibuli, ini satu perkara kita mesti ambil tahu, warden kena ambil tindakan," katanya kepada pemberita. Menteri Besar itu mahu tahu, antara lain, kenapa selepas lima jam kejadian itu berlaku, mangsa masih tidak dibawa ke hospital. □